

Pembayaran royalti minyak lima peratus kepada Terengganu

Satu kesilapan — PM

UM 30 JUN 2000

Oleh MARHAINIKAMARUDDIN
dan YULPISMAN ASLI

BANGI 29 Jun — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamsd berkata, pemberian royalti minyak sebanyak lima peratus kepada kerajaan Terengganu adalah satu kesilapan.

Menurutnya, pada masa itu royalti tersebut diberikan berasaskan kepercayaan bahawa Terengganu adalah negeri termiskin.

“Oleh kerana Terengganu dulu diperintah oleh Barisan Nasional (BN), kita tidak ambil kira secara teliti tentang hak negeri-negeri lain di Semenanjung untuk mendapat royalti.

“Jadi kita bagi dengan kepercayaan bahawa Terengganu adalah negeri miskin dan memandangkan ketika itu rizab minyak begitu kecil, Terengganu akan mendapat royalti paling banyak pun RM50 juta sahaja,” katanya.

● Royalti minyak ikut perjanjian — Muka 11

Beliau berkata demikian ketika ditanya perkembangan isu pemberian royalti minyak kepada kerajaan Terengganu pada sidang akhbar selepas merasmikan Universiti Tenaga Nasional (Uniten) di sini, hari ini.

Isnin lepas, Perdana Menteri yang mengulas berita eksklusif muka depan *Utusan* berkata, kerajaan akan meneliti sama ada benar pemberian royalti itu menjadi sebahagian daripada perjanjian dengan Terengganu.

Laporan *Utusan* yang memetik sumber itu menyebut, pemberian royalti tersebut diberikan sebagai bantuan ‘ihsan’.

Dr. Mahathir berkata, jika harga minyak terus naik, Petronas dijangka membuat

■ Lihat muka 4

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Satu kesilapan — PM

UM 30 JUN 2000

keuntungan sebanyak RM32 bilion bagi tahun kewangan sehingga Mac depan dan ini menjadikannya sebuah syarikat paling untung di dunia.

Menurutnya, sekiranya itu berlaku royalti minyak kepada Terengganu akan mencecah RM1 bilion.

Ditanya mengenai ranca-

ngan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, yang mahu mendakwa Petronas kerana ingin menuntut royalti minyak, Dr. Mahathir berkata, ia mungkin boleh memalukan jika diteruskan.

“Saya agak akan timbul banyak masalah jika Petronas didapati tidak mengagihkan wang royalti

mengikut yang sepatutnya,” kata beliau.

Dalam hal ini Perdana Menteri berpendapat Shahidan perlu akur dengan nasihat Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya menimbang semula tindakan untuk mendakwa Petronas di mahkamah.